

KAWALAN OPERASI PERUSAHAAN

Beberapa langkah hendaklah diambil bagi memastikan operasi perusahaan burung walit mematuhi panduan GAHP Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia.

- Bunyi dari corong pembesar suara hendaklah tidak melebihi 40 desibel diukur 6 meter dari dinding bangunan.
- Corong pembesar suara hendaklah menghadap langit pada sudut sekurang-kurangnya 60 darjah dari dasar lantai dan masa untuk penggunaan pembesar suara adalah dihadkan dari 7.00 pagi hingga 7.00 petang setiap hari.
- Premis hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih.
- Premis tidak menimbulkan masalah seperti bau busuk, pembiakan nyamuk, lalat dan lain-lain serangga.
- Air tidak boleh bertakung di atas lantai atau di dalam apa-apa takungan tanpa kawalan. Hanya alat humidifier dibenarkan.
- Lampu dipasang di dinding luar bangunan.
- Najis burung (guano) perlu dikumpul dan dikeluarkan dari premis secara berjadual.

PEMBIAKAN

- Burung walit menggunakan cara membiak dengan kaedah multi-pengeraman iaitu mengeluarkan seberapa banyak gugusan telur dan menetasakan seberapa banyak anak yang boleh semasa keadaan cuaca baik. Sesetengah spesies bertelur 2 biji dan ada yang bertelur hanya sebiji.
- Kedua-dua jantan dan betina bekerjasama membina sarang yang baru terutamanya pada malam hari.

FAKTOR KEJAYAAN DALAM PERUSAHAAN BURUNG WALIT

1. Pemilihan lokasi yang sesuai
2. Gunakan model rumah yang sesuai
3. Sumber kewangan yang mencukupi

KEBAIKAN PEMAKANAN SARANG BURUNG WALIT

Penyelidikan perubatan moden telah mendapati antara kebaikan memakan sarang burung seperti sup sarang burung adalah:

- * Mengurangkan tekanan darah tinggi
- * Menguatkan jantung
- * Mengurangkan risiko penyakit kanser
- * Mencegah daripada serangan penyakit
- * Menyembuh luka dan kecederaan dalaman
- * Mencantikkan kulit dan awet muda

HARGA

- Produk sarang burung adalah sangat bernilai tinggi dan permintaan terhadap produk ini semakin meningkat setiap tahun.
- Harga sarang burung adalah antara \$1,500.00 hingga \$25,000.00 sekilogram.
- Harga sarang burung akan meningkat tinggi bergantung kepada kualiti sarang burung yang dihasilkan.

Dicetak oleh: JPHPT Sabah, 2007
Ruj: JPHPT(T)KK/100-35/3(13)

PRODUK SARANG BURUNG

- Produk sarang burung dieksport ke Hong Kong, Singapura, Taiwan, China, Korea, Vietnam dan Jepun dalam bentuk diproses dan dibotolkan.
- Sarang burung boleh didapati dalam warna hitam, putih, merah dan kuning.

PENGURUSAN PEMROSESAN SARANG BURUNG

1. Pembersihan dan persediaan sebelum diproses
2. Penyejukan sebelum diproses
3. Pembuangan bulu burung
4. Membentuk dan mencantikkan
5. Membungkus dan mengged
6. Penyimpanan – dikeringkan



BURUNG WALIT (SWIFTLET)



FAKTA MENGENAI BURUNG WALIT (SWIFTLET)

<i>Elemen</i>	<i>Burung Walit</i>
<i>Order</i>	<i>Apodiformes</i>
<i>Famili</i>	<i>Swift</i>
<i>Genus</i>	<i>Aerodramus</i>
<i>Species</i>	<i>8 spesies burung walit</i>
<i>Makanan</i>	<i>Sarangga</i>



JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK SABAH

Tel: 088-287400; Fax: 088-238418
Laman Web: <http://www.sabah.gov.my/hwan>

"Pertanian Adalah Perniagaan"

PENGENALAN

Penternakan burung walit berpotensi besar dan mempunyai pasaran yang sangat meluas di seluruh dunia. Bidang usaha ini telah dijalankan sejak dua dekad lalu dan terus berkembang maju kerana permintaan dan hasil yang lumayan. Produk sarang burung telah menyumbang kepada hasil eksport negara sebanyak RM 150 juta dan ia sangat popular sebagai produk makanan berkhasiat yang kaya dengan protein, amino asid dan mempunyai nilai perubatan tradisional. Sarang burung walit berharga dan diterokai sebab ianya mengandungi sedikit sahaja bulu atau bahan yang tidak boleh dimakan. Tuaian berjuta-juta ringgit dihasilkan setiap tahun di Malaysia daripada beberapa buah gua dan premis penternakan burung walit. Sarang burung walit terkenal kerana ia adalah ramuan asas sup sarang burung yang berkhasiat tinggi dan dapat menyumbang kepada tahap kesihatan.

Penuaian sarang burung walit dari gua-gua secara komersial dijalankan sejak lebih 100 tahun dahulu di Malaysia. Sejak sedekad kebelakangan ini, pengusaha telah cuba menerokai halaman baru dalam penuaian sarang burung walit. Spesies dan bilangan burung walit telah banyak berkembang dan berhijrah dari hutan ke desa dan bermastautin di bandar.

Burung walit berada di dalam Order Apodiformes bermakna tiada berkaki dan tidak berupaya di tanah. Burung ini mempunyai kuku yang mencengkam kuat. Burung ini cekap berterbangan di udara dan saiz burung walit adalah kecil. Ukuran panjangnya adalah 13 cm dan yang terkecil bersaiz 7.5 cm. Burung walit berkelompok besar dan suka pada kawasan di mana ada banyak ceruk-ceruk bukit dan gua. Ia membiak di dalam gua atau di premis yang berkeadaan seakan-akan gua.

Burung walit dapat menyesuaikan diri dengan iklim dan habitat yang tertentu. Koloni burung walit di Sabah pertama kali dijumpai pada tahun 1999 di Kota Kinabalu. Burung walit ini didapati bersarang di bahagian bawah bangunan pusat membeli belah. Kini, rumah burung walit boleh didapati di Tawau, Sandakan, Membakut, Beaufort, Sipitang, Lahad Datu, Kimanis dan Kota Kinabalu. Burung walit juga boleh dijumpai di Gua Gomantong.

SPESIES BURUNG WALIT

Spesies burung walit di Asia Tenggara iaitu:

- * *Collacalia esculenta cyanoptia*
- * *Collacalia linchi dodgie*
- * *Aerodramus fuciphagus vestitus*
- * *Aerodramus fuciphagus amechanus*
- * *Aerodramus fuciphagus fuciphagus*
- * *Aerodramus maximus lowi*
- * *Aerodramus maximus tichelmani*

Dicetak oleh: JPHPT Sabah, 2007
Ruj: JPHPT(T)KK/100-35/3(13)

PERUMAHAN

Pengetahuan dalam semua aspek pemeliharaan burung walit adalah sangat penting bagi membantu kejayaan dalam perusahaan ini dan seterusnya mendapat pulangan yang lumayan.

1. Pemilihan kawasan

- Pemilihan kawasan yang sesuai akan menentukan kejayaan dalam perusahaan ini.
- Kawasan hendaklah luas dan jauh dari kesibukan manusia.
- Kawasan rumah juga hendaklah dipagar supaya selamat dari kucing, ayam dan itik yang akan mengganggu aktiviti burung walit dan menyebabkan burung takut untuk membuat sarang.
- Kawasan tanah yang luas diperlukan bagi perkembangan pemeliharaan di masa akan datang.

2. Penyediaan rumah yang sesuai dan selesa

- Faktor kewangan sangat penting bagi membangunkan rumah burung walit yang sesuai dan boleh menarik burung walit untuk bersarang.
- Penyediaan rumah yang luas dapat memberi keselesaan kepada burung untuk terbang dan membuat sarang.
- Modal juga diperlukan untuk mengubahsuai premis yang sudah didiami oleh burung walit seperti bangunan membeli belah dalam bandar.
- Pembinaan rumah juga haruslah sesuai dengan kehendak dan keperluan burung walit seperti suhu yang sesuai iaitu 25 - 28 °C dan kelembapan dalam rumah antara 80 - 90%.

RUMAH BURUNG WALIT

Terdapat 3 jenis rumah burung walit iaitu:

1. Habitat asal (tanpa sebarang perubahan)
2. Mengubahsuai premis yang sedia ada
3. Merekabentuk rumah yang baru

REKABENTUK RUMAH BURUNG WALIT (BARU)

Antara keperluan untuk menarik burung walit untuk bersarang di rumah yang disediakan adalah:

1. Memasang palang kayu atau palang aluminium atau palang stainless steel untuk menggalakkan burung walit membuat sarang
2. Memasang 'humidifier' untuk menyediakan kelembapan yang sesuai.
3. Memasang audio suara burung walit melalui 'tweeter' untuk menarik burung walit untuk membuat sarang



PENGURUSAN BURUNG WALIT

1. Peringkat awal – Membina rumah burung walit

- Ini merupakan langkah awal dalam penternakan burung walit di mana persiapan untuk membina rumah dijalankan dan menyediakan keperluan bagi menarik burung walit untuk datang dan bersarang di dalam rumah.
- Ini termasuklah menyediakan sistem audio atau bunyi untuk menarik burung walit.

2. Peringkat pertengahan – Menambah populasi burung

- Pada peringkat ini, burung walit telah mula mendiami rumah antara 50 hingga 100 ekor.
- Usaha perlu dijalankan untuk memastikan burung walit bersarang dan mengeluarkan anak untuk menambah bilangan populasi burung walit. Ini sangat penting bagi memastikan bilangan burung walit bertambah untuk mendapat hasil sarang burung yang banyak.

3. Peringkat pengeluaran – penuaian sarang burung 1 kg

- Pada peringkat ini sarang burung boleh dituai. Hasil pendapatan dari penuaian sarang burung boleh digunakan untuk penambahbaikan rumah burung walit.
- Peringkat ini sangat penting bagi memastikan burung walit dapat menghasilkan sarang burung yang berkualiti.
- Penuaian sarang burung mesti diurus dengan baik untuk memastikan populasi burung walit bertambah.
- Pemerhatian pelakuan burung walit juga perlu dilaksanakan bagi memastikan burung terus mendiami rumah tersebut.

4. Peringkat perkembangan – penuaian sarang > 1 kg

- Pada peringkat ini, setelah bekerja keras selama beberapa tahun, hasil penuaian telah bertambah dan ini memberi hasil pulangan yang lumayan kepada pengusaha.
- Pengusaha perlulah memerhatikan pelakuan dan memantau sebarang perubahan pada rumah burung dan persekitarannya.
- Pengurusan sistem penuaian sarang burung akan memberi kesan kepada hasil penuaian sarang burung.
- Masa yang sesuai untuk melaksanakan penuaian akan menentukan peningkatan hasil tuaian. Kawasan ruang berukuran 50 m² (5m x10m) boleh menghasilkan 4-5 kg dengan penuaian yang kerap dan pengurusan yang betul dan teratur.

